



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM
BIDANG KEMAHIRAN DI FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI**

IZZATUL HUSNA BINTI AHMAD SAHAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI TELAH DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Mac 2023.

i. Perakuan pelajar:

Saya, **IZZATUL HUSNA BINTI AHMAD SAHAR, D20191089743,** **FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **CIK WAN NURLISA BINTI WAN AHMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknikal dan Vokasional bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.**

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN “[LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR]”*****DECLARATION OF “[FINAL YEAR PROJECT REPORT]”***

Tajuk / Title:

MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN
GRADUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI
FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI

No. Matrik / Matric's No:

D20191089743

Saya / I:

IZZATUL HUSNA BINTI AHMAD SAHAR

mengaku membenarkan [Laporan Projek Tahun Akhir]* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that my [Final Year Project Report] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows: -

1. Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hak milik UPSI.
The final year project report is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Laporan Projek Tahun Akhir ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the final year project report for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for ‘Open Access’ Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT / CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD / RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

/ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature of Student)
 Tarikh / Date:

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period.





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas izin dan limpah kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya amat berbesar hati untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelaras dan penyelia Projek Tahun Akhir yang saya kasih dan hormati, Cik Wan Nurlisa Binti Wan Ahmad atas kesabaran, sokongan, dorongan, nasihat serta bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kertas projek ini. Dengan izin Allah, beliau sudi menunjuk ajar walau mengganggu masa rehatnya. Beliau juga menegur saya sekiranya saya alpa dan teguran beliau amat berhemah. Moga jasa baiknya akan diganjari dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Selain itu, ucapan terima kasih juga buat keluarga tercinta yang amat memahami tugas saya sebagai seorang pelajar. Penghargaan terhadap pengertian dan pengorbanan buat ibu dan ayah yang tersayang Siti Hamzanah Binti Mad Hashim dan Ahmad Sahar Bin Samad atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian, sehingga kertas projek dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan seperjuangan saya iaitu Nur Izzati Nadhirah Binti Tajul Ariffin yang telah bersama-sama mengharungi pahit manis dalam meneruskan pengajian, terutamanya sudi berkongsi ilmu, maklumat dan segala bantuan yang saya perlukan dalam menghasilkan kajian ini.

Sebelum menutup bicara, saya ingin memberikan penghargaan buat semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kertas projek ini. Sebagai penutup ruangan ini, saya menyedari bahawa kertas projek ini masih jauh daripada kesempurnaan dan segala kekurangan yang wujud merupakan tanggungjawab saya sepenuhnya. Biar betapa kecilnya sumbangan ini, saya dengan segala kerendahan hati berharap agar kertas projek dan kajian ini dapat memberi manfaat dan dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





MOTIVASI DAN FAKTOR KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM BIDANG KEMAHIRAN DI FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL UPSI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti motivasi pelajar dan faktor kebolehpasaran graduan dalam bidang kemahiran di Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI. Antara faktor kebolehpasaran yang dikaji adalah faktor dari segi kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran etika dan moral. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang dijana dalam bentuk perisian *Google Forms* sebagai instrumen pengukuran kajian. Kajian rintis juga telah dilaksanakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian dan nilai *Cronbach's Alpha* yang diperoleh adalah 0.910. Peserta kajian adalah seramai 140 orang responden terdiri daripada graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional Universiti Pendidikan Sultan Idris melibatkan pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Science Social (SPSS) 26.0*. Dapatan kajian mendapati bahawa graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional memiliki motivasi intrinsik yang tinggi berbanding motivasi ekstrinsik dengan skor min masing-masing adalah 4.51 dan 4.43. Manakala, kemahiran etika dan moral mempunyai catatan tertinggi terhadap kebolehpasaran graduan diikuti pula kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran interpersonal. Seterusnya, dapatan kajian berkenaan hubungan antara motivasi dan faktor kebolehpasaran telah dilakukan menggunakan ujian Kolerasi Pearson, keputusan yang diperoleh adalah terdapatnya hubungan yang sederhana ($r = 0.698$; $p < 0.05$) dan signifikan antara motivasi pelajar dan faktor kebolehpasaran dalam bidang kemahiran. Kesimpulannya, diharapkan kajian ini dapat membuka ruangan perbincangan lanjut serta membantu para graduan untuk memantapkan kemahiran yang perlu dititikberatkan dalam meningkatkan kebolehpasaran mereka di masa akan datang.





MOTIVATION AND EMPLOYABILITY FACTORS OF GRADUATES IN THE FIELD OF SKILLS AT FACULTY OF TECHNICAL AND VOCATIONAL UPSI

ABSTRACT

This study was conducted to determine the student motivation and graduate employability factors in the field of skills at UPSI's Technical and Vocational Faculty. Among the employability factors studied are factors in terms of interpersonal skills, critical thinking skills and ethical and moral skills. This research is a quantitative survey using the Google Forms software to generate a questionnaire which functions as the research measurement tool. In order to determine the research instrument's validity and reliability, a pilot study was performed, and thus the Cronbach's Alpha value reached was 0.910. The study participants were 140 respondents consisting of graduates of the Technical and Vocational Faculty of the Sultan Idris Education University involving various levels of study, namely Bachelor of Education, Master's and Doctor of Philosophy degrees. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) 26.0 software. The findings of the study found that Technical and Vocational Faculty graduates have high intrinsic motivation compared to extrinsic motivation with a mean score of 4.51 and 4.43 respectively. Meanwhile, ethical and moral skills revealed in the study, followed by critical thinking skills and interpersonal skills. Next, the findings of the study regarding the relationship between motivation and employability factors were carried out using the Pearson Correlation Test, the results obtained were that there was a moderate ($r = 0.698$; $p < 0.05$) and significant relationship between student motivation and employability in the field of skills. Finally, it is hoped that this study would spark further discussions and assist graduates in improving the competencies which must be prioritised in order to enhance their employability in the future.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
------------------------------------	---

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN	ii
---	----

PROJEK TAHUN AKHIR	
---------------------------	--

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

KANDUNGAN	vi
------------------	----

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Pernyataan Masalah	3
------------------------	---

1.3 Objektif Kajian	5
---------------------	---

1.4 Persoalan Kajian	6
----------------------	---

1.5 Hipotesis Kajian	7
----------------------	---

1.6 Kepentingan Kajian	9
------------------------	---

1.7 Batasan Kajian	10
--------------------	----

1.8 Definisi Operasional	11
--------------------------	----





1.8.1 Motivasi	11
1.8.2 Kebolehpasaran	12
1.8.3 Kemahiran	12
1.9 Kerangka Konseptual	13
1.10 Rumusan	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	15
2.2 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	16
2.3 Motivasi	17
2.3.1 Motivasi Intrinsik	18
2.3.2 Motivasi Ekstrinsik	19
2.4 Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran	20
2.4.1 Kemahiran Interpersonal	21
2.4.2 Kemahiran Berfikir Secara Kritis	24
2.4.3 Kemahiran Etika dan Moral	25
2.5 Rumusan	27



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Pembolehubah Kajian	30
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	30
3.5 Instrumen Kajian	32
3.5.1 Bahagian A: Demografi Responden	32
3.5.2 Bahagian B: Item Motivasi	33





3.5.3 Bahagian C: Item Faktor Kebolehpasaran Graduan	34
dalam Bidang Kemahiran	
3.5.4 Bahagian D: Item Soalan Terbuka Kepada Responden	35
3.6 Prosedur Penyelidikan	36
3.7 Kajian Rintis	39
3.8 Analisis Data	43
3.8.1 Analisis Deskriptif	44
3.8.2 Analisis Inferensi	45
3.9 Rumusan	46

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	47
4.2 Analisis Demografi Kajian	48
4.2.1 Jantina	48
4.2.2 Umur	49
4.2.3 Kelayakan Akademik Tertinggi	51
4.2.4 Bidang Pengajian	52
4.2.5 Status Pekerjaan	54
4.3 Analisis Deskriptif	55
4.3.1 Motivasi Pelajar dalam Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan di Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI	55
4.3.2 Faktor Kebolehpasaran dalam Bidang Kemahiran bagi Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional	59





4.4	Analisis Inferensi	63
4.4.1	H1: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Status Pekerjaan Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional dengan Motivasi Pelajar.	63
4.4.2	H2: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Status Pekerjaan Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional dengan Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran.	64
4.4.3	H3: Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Motivasi Pelajar dengan Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran.	65
4.5	Rumusan	67

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN

CADANGAN

5.1	Pengenalan	68
5.2	Perbincangan Kajian	69
5.3	Dapatan Analisis Demografi Kajian	70
5.4	Motivasi Pelajar dapat Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran	72
5.5	Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran Mampu Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan	73
5.6	Hubungan Antara Motivasi Pelajar dengan Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran	74
5.7	Kesimpulan	75
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	76

RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

	Jadual	Muka Surat
3.1	Taburan Populasi Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.	31
3.2	Soalan bagi Soal Selidik Item Motivasi	33
3.3	Soalan bagi Soal Selidik Item Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran	34
3.4	Soalan Soal Selidik Soalan Terbuka kepada Responden	35
3.5	Nilai Pendaraban <i>Cronbach's Alpha</i>	39
3.6	Nilai Pendaraban Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i> bagi Kajian Rintis	40
3.7	Keputusan Kebolehpercayaan Item Motivasi bagi Kajian Rintis	41
3.8	Keputusan Kebolehpercayaan Item Faktor Kebolehpasaran Graduan bagi Kajian Rintis	42
3.9	Interpretasi Skor Min	44
3.10	Interpretasi Nilai Kolerasi (<i>r</i>)	45
4.1	Taburan Kekerapan (n) dan Peratusan (%) Responden Kajian Mengikut Jantina	48
4.2	Taburan Kekerapan (n) dan Peratusan (%) Responden Kajian Mengikut Umur	49
4.3	Taburan Kekerapan (n) dan Peratusan (%) Responden Kajian Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi	51
4.4	Taburan Kekerapan (n) dan Peratusan (%) Responden Kajian Mengikut Bidang Pengajian	52
4.5	Taburan Kekerapan (n) dan Peratusan (%) Responden Kajian Mengikut Status Pekerjaan	54
4.6	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan 5 Item bagi Pembolehubah Motivasi Intrinsik	55





4.7	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan 5 Item bagi Pembelahan Motivasi Ekstrinsik	56
4.8	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Item Motivasi	58
4.9	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan 5 Item bagi Pembelahan Faktor Kebolehpasaran dalam Kemahiran Interpersonal	59
4.10	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan 5 Item bagi Pembelahan Faktor Kebolehpasaran dalam Kemahiran Berfikir Secara Kritis	60
4.11	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan 5 Item bagi Pembelahan Faktor Kebolehpasaran dalam Kemahiran Etika dan Moral	61
4.12	Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Item Faktor Kebolehpasaran dalam Bidang Kemahiran	62
4.13	Analisis Ujian ANOVA Sehala bagi Motivasi Pelajar Mengikut Status Pekerjaan	63
4.14	Analisis Ujian ANOVA Sehala bagi Faktor Kebolehpasaran Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional Mengikut Status Pekerjaan	64
4.15	Analisis Ujian Korelasi Pearson bagi Motivasi Pelajar dengan Faktor Kebolehpasaran Graduan dalam Bidang Kemahiran	65





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Struktur Perbezaan dan Hubungan Antara Status Pekerjaan Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional, Motivasi Pelajar dan Faktor Kebolehpasaran Graduan	7
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	13
3.1 Carta Alir bagi Prosedur Penyelidikan	38
4.1 Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina	48
4.2 Taburan Responden Kajian Mengikut Umur	50
4.3 Taburan Responden Kajian Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi	51
4.4 Taburan Responden Kajian Mengikut Bidang Pengajian	53
4.5 Taburan Responden Kajian Mengikut Status Pekerjaan	54





SENARAI SINGKATAN

TVET	<i>Technical Vocational Education and Training</i>
GMI	<i>German-Malaysian Institute</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
FTV	Fakulti Teknikal dan Vokasional
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i>
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
CEM	<i>Centre of Entrepreneurial Development and Graduate Marketability</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
ICT	<i>Information Communication and Technology</i>
IV	<i>Independent Variable</i>
DV	<i>Dependent Variable</i>
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
SPSS	<i>Statistical Package for The Social Science</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta





SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A Surat Lantikan Pakar bagi Kesahan Instrumen Kajian
- LAMPIRAN B Borang Soal Selidik Kesahan Instrumen Kajian kepada Pakar
- LAMPIRAN C Edaran Borang Soal Selidik kepada Responden Melalui Aplikasi *Whatsapp Messenger*
- LAMPIRAN D Borang Soal Selidik *Google Forms*





BAB 1

PENDAHULUAN



Pada era globalisasi ini, bidang pekerjaan semakin kompleks dan mencabar di mana tenaga kerja yang diperlukan kini bukan sahaja mementingkan kemahiran teknikal malahan kemahiran kebolehpasaran dan kompetensi yang ada dalam diri setiap individu. Oleh yang demikian, graduan bagi lepasan Pendidikan Latihan Kemahiran dan Vokasional atau *Technical Vocational Education and Training* (TVET) perlu mempersiapkan diri dari segi pengetahuan akademik yang tinggi malahan perlu mengutamakan kebolehan dan kemahiran tambahan yang tinggi dalam diri bagi mengekalkan kualiti kompetensi individu. Selain itu, graduan TVET juga perlu fleksibel dan bersedia untuk dilatih bagi menambah ilmu dan kemahiran sedia ada dalam diri serta mengasah lagi bakat kemahiran (Ali, E., Che' Rus, R., Haron, M. A., & Hussain, M. A. M., 2018).





Definisi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah satu bidang yang memerlukan kepelbagaian kemahiran dan harus dikuasai dengan baik, ia juga merupakan proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju dalam dunia pekerjaan ke arah transformasi pendidikan di Malaysia bagi melahirkan lepasan graduan TVET yang mempunyai kerjaya masing-masing (Hassan, S. C., Hassan, N. C., Daud, S. M., & Karim, A. A., 2020).

Kini, pada abad ke-21 pekerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luas dalam bidang teknikal amat diperlukan, hal ini bagi membangunkan ekonomi sesebuah negara ke arah pertumbuhan yang positif. Oleh itu, para graduan terutamanya yang berkecimpung dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (Technical Education and Vocational Training – TVET) dapat memperoleh peluang dalam pekerjaan. Menurut pengarah urusan German-Malaysian Institute (GMI), Prof Ir Dr Azmi Hassan, bidang TVET ini telah membuka berbagai-bagai peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Hal ini menjadikan graduan-graduan TVET sebagai graduan 'terhangat di pasaran' (Jie, B. G., & Yasin, R. M., 2022).

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah dijadikan sebagai salah satu pilihan utama bagi graduan untuk menyambung pelajaran mereka. Sehingga kini, bidang TVET masih lagi tidak mencapai kapasiti yang diperlukan bermaksud masih ramai graduan tidak berminat dengan bidang TVET. Oleh sebab itu transformasi dalam pendidikan vokasional telah dijalankan. Pihak kerajaan telah mensasarkan satu matlamat peningkatan sebanyak 650,000 murid dalam program TVET menjelang tahun 2025 (Yusof, J. & Nawi, A., 2021). Matlamat peningkatan ini selaras dengan Lonjakan Keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-





2025 untuk meningkatkan graduan TVET yang kompeten dan berkualiti. Transformasi yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu usaha untuk memperkasakan sistem pendidikan vokasional sedia ada agar dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara yang maju dan moden.

1.2 Pernyataan Masalah

Graduan pada masa kini memiliki tahap motivasi yang rendah menjadi punca kegagalan graduan mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian (Ishar, M. I. M., & Ismail, F., 2020). Peluang pekerjaan dan kerjaya bagi graduan bukan hanya bergantung semata-mata dengan kecemerlangan akademik tetapi motivasi dalam diri seseorang individu itu sendiri yang mempengaruhi kebolehpasaran mereka. Motivasi merupakan elemen psikologi yang penting sebagai titik tolak untuk para siswazah untuk terus bersemangat mencapai minat dan ganjaran yang ingin diperoleh.

Seterusnya, dalam dunia pekerjaan kaum lelaki lebih ramai diterima bekerja oleh sesetengah majikan berbanding kaum perempuan. Keadaan ini membuatkan ramai graduan perempuan tidak berminat untuk memilih bidang kemahiran seperti TVET di kolej vokasional untuk menyambung pengajian. Kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh sesetengah majikan mahupun pelbagai bidang industri juga cenderung untuk memerlukan pekerja-pekerja dari kalangan lelaki sahaja (Yusof, J. & Nawi, A. 2021).





Selain itu, setelah diteliti berkenaan isu dan permasalahan kebolehpasaran graduan TVET terdapat juga permasalahan dari segi bayaran upah yang harus diterima oleh para graduan tanpa mengira soal jantina (Ismail, R., Osman, Z., & Malek, S. A., 2013). Dalam kajian lain, walaupun banyak penyelidik mengkaji berkenaan kaedah dalam pemilihan kerjaya yang sesuai bagi graduan TVET namun, kurang dari segi kajian berkenaan pembayaran upah yang setimpal dengan skop kerja yang diberikan. Kadaan ini juga dapat mencetuskan diskriminasi di mana berlaku ketidakadilan kerana setiap manusia perlu diberikan hak dan peluang yang sama. Diskriminasi pasaran buruh boleh didefinisikan sebagai suatu kumpulan tertentu yang menerima gaji yang lebih rendah tetapi pada kerja dan produktiviti yang sama hanya kerana mereka tergolong dalam suatu golongan tersebut contohnya lelaki dan wanita, bangsa dan agama dan sebagainya (Othman, M. N. A., 2012).



Semakin hari semakin ramai para graduan meninggalkan alam pengajian mereka namun, masih ada segelintir dari kalangan para siswazah masih mengalami ketidaksepadanan dalam kemahiran (Ismail, M. H. , 2012) dan masih tidak dapat melengkapkan diri dengan nilai tambah dalam diri. Dari aspek tahap kemahiran, kebanyakannya siswazah bekerja dalam kategori mahir, iaitu sebanyak 73.3 peratus (3.11 juta orang), bersesuaian dengan kelayakan mereka sebagai siswazah. Sementara itu, siswazah bekerja dalam kategori separuh mahir mewakili 25.6 peratus atau 1.09 juta orang pada tahun 2019 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2019). Dapat diperhatikan bahawa kebanyakannya majikan mementingkan tahap kemahiran setiap pekerja yang diambil.





Tambahan pula, segelintir para graduan dari kalangan mereka tidak memiliki pengalaman secara praktikal. Justeru, demi meningkatkan kebolehpasaran dalam kalangan graduan serta kemampuan mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja yang mencabar, pelajar universiti harus terus berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan di samping mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang pekerjaan yang bakal diceburi.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:



- i. Mengenalpasti motivasi pelajar dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan di Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI.
- ii. Mengenalpasti faktor kebolehpasaran dalam bidang kemahiran dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI.
- iii. Mengenalpasti hubungan motivasi dengan faktor kebolehpasaran graduan dalam bidang kemahiran di Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI.





1.4 Persoalan Kajian


Berdasarkan objektif kajian, kajian ini cuba mendapatkan jawapan kepada soalan berikut:

- i. Adakah motivasi pelajar dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional?
- ii. Adakah faktor kebolehpasaran dalam bidang kemahiran dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan faktor kebolehpasaran dalam bidang kemahiran bagi graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional?



1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah pernyataan yang tidak menjangkakan sebarang perbezaan atau kesan. Ianya dibina berdasarkan masalah kajian bagi tujuan untuk menguji suatu teori yang telah dikaji. Kajian ini dilakukan bertujuan menentukan sama ada para graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional UPSI mempunyai perbezaan dan hubungan langsung antara motivasi dan juga faktor kebolehpasaran graduan. Berdasarkan persoalan kajian, hipotesis nul telah dibina untuk diuji seperti berikut:



Rajah 1.1: Struktur Perbezaan dan Hubungan Antara Status Pekerjaan Graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional, Motivasi Pelajar dan Faktor Kebolehpasaran Graduan.



Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status pekerjaan graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional dengan motivasi.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status pekerjaan graduan Fakulti Teknikal dan Vokasional dengan faktor kebolehpasaran graduan dalam bidang kemahiran.

Hipotesis 3: Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi pelajar dengan faktor kebolehpasaran graduan dalam bidang kemahiran.





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dikaji dalam mengumpul maklumat mengenai motivasi dan faktor kebolehpasaran graduan dalam bidang kemahiran di Fakulti Teknikal dan Vokasional. Kajian ini diharapkan dapat memberi banyak faedah kepada graduan di luar sana dalam bidang TVET. Antaranya ialah:

- i. Bagi mengetahui sama ada motivasi pelajar dapat mempengaruhi para graduan untuk melayakkan diri dalam dunia pekerjaan dan industri yang bakal diceburi atau sebaliknya.
- ii. Berdasarkan hasil kajian juga diharapkan para graduan dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka bagi memastikan mereka layak dalam menceburkan diri dalam bidang pekerjaan masing-masing.
- iii. Berdasarkan hasil kajian juga diharapkan agar institusi pendidikan dapat membekal dan menyediakan pelajar dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar.





1.7 Batasan Kajian

Penyelidik menyediakan batasan kajian bagi memastikan kajian bertepatan dengan skop yang ditetapkan. Dalam kajian ini ianya hanya terbatas kepada:

- i. Terbatas kepada pelajar pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D).
- ii. Terbatas kepada graduan lepasan FTV bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Reka Bentuk dan Teknologi, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Pertanian, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga, Sarjana Sains (Sains Pertanian), Sarjana Sains (Teknologi Kejuruteraan), Sarjana Sains (Pendidikan Teknikal dan Vokasional), Doktor Falsafah Sains Pertanian, Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan dan Doktor Falsafah Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- iii. Bilangan sampel yang dipilih adalah seramai 140 orang.
- iv. Melibatkan pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik.
- v. Penyelidik tidak dapat mengawal kejujuran dan kesungguhan graduan untuk menjawab borang soal selidik.





1.8 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah yang membawa makna khusus ditakrifkan seperti motivasi, kebolehpasaran dan kemahiran.

1.8.1 Motivasi

Motivasi adalah dorongan dalaman atau luaran yang menjurus seseorang individu untuk memenuhi matlamat diri dan organisasi. Motivasi terdiri daripada dua bahagian iaitu motivasi instrinsik dan juga ekstrinsik (Ahmad, M. F., Lamat, S. A., Maimunah, S. S., Rahman, M. W. A., Dahlan, N. D., Tumijan, W., & Mokhtar, U. K. M., 2020).



Definisi seterusnya, motivasi adalah sebagai suatu tenaga atau desakan dalaman atau luaran yang mendorong dan mengarah perilaku manusia untuk mencapai tujuan atau matlamat yang ditetapkan (Zakari, N. A. M., & Muhamad, T. A., 2021). Selain itu, motivasi juga dicirikan kepada individu yang mempunyai sifat penuh kerelaan, kemahuan dan pilihan (Deci, E. L., Olafsen, A. H., & Ryan, R. M., 2017).

Akhir sekali, definisi lain bagi motivasi adalah keinginan yang tinggi pada diri seseorang yang mendorong untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan (Puad, M. H. M., & Nawe, N. S. M., 2021).





1.8.2 Kebolehpasaran

Menurut Maripaz dan Ombra (2016), tahap kebolehpasaran boleh didefinisikan sebagai satu capaian atau peringkat yang berpusat kepada individu dari segi keterampilan individu (komunikasi), kemahiran berhubung, kemahiran komputer dan berbudaya, kebolehpercayaan individu (pengurusan individu, beretika dan kematangan vokasional) dan pengubahsuaian ekonomi (penyelesaian masalah, pembangunan kerjaya).


Selain itu, kemahiran yang melibatkan kualiti individu yang diperlukan oleh majikan. Kemahiran yang boleh dipindahkan dari satu bidang ke bidang yang lain. Ia tidak mengkhusus kepada satu bidang pekerjaan tetapi merangkumi semua pekerjaan tbupsi (Kamerade dan Paine, 2015).

1.8.3 Kemahiran

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2015), kemahiran diertikan sebagai kecekapan dan kepandaian. Selain itu, kemahiran juga disama erti dengan kompeten yang membawa maksud cepat, layak dan menjalankan tugas dengan sempurna. Kemahiran merujuk kepada keupayaan dan perkembangan seseorang dalam membentuk kejayaan dalam diri mereka.



1.9 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mana menjelaskan pembolehubah tidak bersandar yang digunakan dalam kajian iaitu terdiri 140 graduan dari Fakulti Teknikal dan Vokasional yang terdiri daripada pelajar peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah pada tahun 2022, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Rajah 1.2 juga menunjukkan pembolehubah bersandar iaitu faktor kebolehpasaran pelajar dalam bidang kemahiran antaranya kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir secara kritis serta kemahiran etika dan moral.



1.10 Rumusan

Bab ini dijadikan asas untuk melakukan sesuatu penyelidikan iaitu mengenalpasti permasalahan yang dihadapi, mengenalpasti objektif, kepentingan dan persoalan kajian sehingga tercetusnya idea untuk melakukan kajian tersebut. Selain itu, bab ini juga menerangkan berkenaan batasan kajian yang dihadapi dan akhirnya mendefinisikan setiap pembolehubah yang terlibat dalam kajian.

